

10 JUN 2002

Dompok-Vatican/I

KEDUDUKAN MALAYSIA DI DUNIA SEMAKIN KETARA

KUALA LUMPUR, 10 Jun (Bernama) -- Kedudukan Malaysia di dunia termasuk pendiriannya mengenai isu Palestin semakin ketara berikutan lawatan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad ke Vatican City pada Jumaat lepas.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri Tan Sri Bernard Dompok berkata demikian semasa mengulas pertemuan Dr Mahathir dengan Pope John Paul II, pemimpin satu bilion penganut Roman Katolik di dunia.

"Saya rasa lawatan itu membawa mesej kepada Vatican bahawa kita adalah negara yang berkembang maju dengan rakyatnya (di Malaysia) adalah daripada pelbagai asal usul politik, kebudayaan dan agama yang hidup aman dan harmoni.

"Saya rasa ia diterima baik di Vatican," katanya kepada Bernama selepas menghadiri Persidangan Tahunan Ketujuh Minyak dan Gas Asia yang dirasmikan oleh Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi.

Lawatan Dr Mahathir ke pusat Kristian itu, adalah yang pertama oleh ketua kerajaan Malaysia. Malaysia mempunyai kira-kira 600,000 penganut Katolik.

Dompok, penganut Roman Katolik, ialah seorang daripada anggota rombongan Malaysia ke Vatican City selain Menteri Tenaga, Komunikasi dan Multimedia Datuk Amar Leo Moggie (juga penganut Roman Katolik), Pengerusi Majlis Fatwa Kebangsaan Datuk Dr Ismail Ibrahim dan pendakwah Islam bebas Uthman Muhamadi.

Dompok berkata Vatican juga bimbang dengan peristiwa yang berlaku di dunia seperti di Asia Barat.

Mereka mahu melihat campur tangan pihak ketiga untuk menghentikan pertelingkahan Palestin-Israel dan keganasan di Palestin, katanya.

Dompok berkata semasa lawatan itu, rombongan Malaysia juga mengadakan pertemuan yang amat berjaya dengan para pegawai Vatican City yang diketuai oleh Setiusaha Negeranya Cardinal Angelo Sadano.

-- BERNAMA

HS AZZ NAK